



PESUROH JAYA TINGGI MELAWAT BRUNEI

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei, Sir Anthony Foster Abell akan melawat Negeri ini dengan sechara rasmi pada hari ini (1 February, 1957) dan akan berada di-sini selama saminggu. Dalam masa itu Tuan Yang Terutama itu akan tinggal di-"Muara Lodge", Muara iaitu tempat kediaman beliau yang rasmi di-Brunei.

Tuan Yang Terutama itu akan tiba di-Padang Kapal Terbang And-uki, Seria dari Kuching dan dari sana akan terus datang ka-Brunei melalui jalan raya pada petang hari ini juga.

Pada pukul 9.30 esok pagi, Tuan Yang Terutama itu akan memereksa Barisan Kehormatan Police Brunei di-hadapan bangunan Pejabat2 Keraja'an Bandar Brunei dan satu jam kemudian, beliau akan mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan di-Istana Darul-Hana.

Selama berada di-Brunei, di-antara-nya Tuan Yang Terutama itu akan memereksa Ranchangan Tali Ayer di-Mulaut pada hari Rabu, 6 February, 1957 dan pada malam itu beliau akan menghadziri temasha jamuan makan kechil di-Istana Darul-Hana.

Tuan Yang Terutama itu akan berangkat balek ka-Kuching pada pagi hari Khamis, 7 February, 1957.

BERITA AKHIR:

R A D I O B R U N E I

Keraja'an Negeri Brunei sudah pun menyediakan ranchangan2 untuk mendirikan bangunan Radio Brunei yang tetap di-kawasan bekas kediaman Jururawat2 Perempuan di-Jalan Elizabeth II, iaitu berhadapan dengan Pejabat Penerangan Keraja'an Brunei, dan tidak jauh dari bangunan Pejabat2 Keraja'an di-Bandar Brunei.

Buat sementara, Radio Brunei akan menggunakan bekas bangunan Tempat Menyimpan Barang2 Pejabat Kerja Raya di-Jalan Kianggeh, di sebelah Masjid Pekan Brunei.

Salain daripada 4 orang yang sedang berlateh di-Radio Sarawak sebagaimana berita yang telah di-siarkan di-Pelita Brunei, bertarikh 15 December, 1956, Keraja'an juga telah memilih Mem Lee Chater isteri kapada Mr. R. E. Chater, Controller of Customs, Brunei, sa-orang Pegawai Khutub Khanah yang berlateh dalam hal ehwal Piring2 Peti Menyanyi untuk berkhidmat kapada Radio Brunei.

Mr. T. Dunk, sa-orang Jurutera dari Sharikat Marconi telah tiba di-Brunei pada 28 January, 1957 yang lalu dan pada masa ini sedang sibok menjalankan pekerja'an memasang alat2 pemancaran Radio.

BADAN PENYUSUN 'ADAT ISTIADAT BRUNEI DI-TUBOHKAN

Satu Jawatan Kuasa Penyusun 'Adat Istiadat Brunei telah di-tubuhkan baharu2 ini di-Bandar Brunei.

Jawatan Kuasa tersebut mengandongi seramai 30 orang ahli2 dari berbagai2 puak dan golongan, dengan di-Pengurusikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Peduka Duli Pengiran Pemancha.

Jawatan Kuasa ini di-tugaskan menyusun semua 'adat istiadat yang terdapat dalam Negeri Brunei, bukan sahaja 'Adat Istiadat Di-Raja, bahkan juga meliputi semua 'adat istiadat dari berbagai2 puak dalam Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan telah bersama2 hadir dalam Mashuarat Jawatan Kuasa ini yang baharu di-langsungkan pada awal bulan January ini, di-mana Duli Yang Maha Mulia berharap supaya Badan ini dapat menyampurnakan tugas2 yang di-beri kapada-nya dan mudah2an dapatlah menghidupkan dan membaiki semula segala 'adat istiadat yang ada dalam Negeri Brunei ini.

Orang ramai yang mengetahui 'adat istiadat dari puak atau kaum-nya ada-lah di-pinta bekerjasama dan di-minta membuat perhubungan dengan Setia Usaha Penyusun 'Adat Istiadat Negeri, yang beralamat c/d, Pejabat Penerangan Negeri, Bandar Brunei.

KEPUTUSAN PEPEREKSA'AN "SARAWAK JUNIOR"

Empat belas orang daripada tujuh belas orang penuntut2 dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei yang telah masuk Peperiksaan 'an "Sarawak Junior" pada awal bulan November, 1956 telah lulus dalam peperiksaan 'an tersebut.

Delapan orang daripada penuntut2 tersebut telah mendapat Sijil "Sarawak Junior", manakala enam orang lagi telah lulus Form III.

Penuntut2 yang telah berjaya mendapat Sijil "Sarawak Junior" itu ia-lah:- Helen Bradshaw, Lim Hui Tin, Abdul Rahman bin Abdullah, Awangku Omar bin Pengiran Limbang, Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, Ghafar bin Lemat, Hussain bin Md. Daud dan Ibrahim bin Mat.

Penuntut2 yang telah lulus Form III, ia-lah:- Alice Kong, Abdul Rahman bin Haji Tudin, Abu Bakar bin Abdul Rahman, Kassim bin Md. Daud, Koh Hoe Peng dan Salleh bin Sheikh Mahmud.

Ada-lah di-fahamkan bahawa enam orang penuntut2 dari Government English School, Seria telah mendapat Sijil "Sarawak Junior" dan dua orang telah lulus Form III.

ROMBONGAN PENGAKAP2 PEREMPUAN DARI BRUNEI BERLEPAS KA-MANILA

Rombongan lima orang Pengakap2 Perempuan dari Negeri Brunei yang telah di-pilih untuk mewakili Negeri ini ka-perkhemahan Pengakap2 Perempuan Sa-dunia di-Negeri Philippine, sebagaimana yang telah kita siarkan dalam keluaran Pelita Brunei yang lalu, telah berlepas ka-Manila dengan kapal terbang pada hari Khamis, 17 January, 1957 melalui Labuan.

Rombongan itu, di-ketuai oleh Mem M. Bradshaw, Pesuruh Jaya Pengakap2 Perempuan Negeri Brunei, mengandongi Zaharah binte Idris, Jusnani binte Lawi, dan Zainon binte Latif (dari Bandar Brunei); Maimon binte Ahmad dan Sheila Fowle (dari Seria).

/Sementara itu,

Sementara itu, menurut satu kawat khas yang baharu sahaja kita terima dari Manila, ke-semua ahli2 rombongan dari Brunei telah selamat tiba di-Manila pada lewat petang hari Juma'at 18 January, 1957.

Di-antara penumpang2 yang berangkat ka-Manila dalam kapal tersebut ialah lima orang wakil2 Pengakap2 Perempuan dari Negeri Sarawak mengandongi tiga orang dari Kuching, sa-orang dari Sibuluan, dan sa-orang dari Miri, dengan di-ketuai oleh Miss Mary Hayworth, Pesuruh Jaya Pengakap2 Perempuan Negeri Sarawak.

Perkelahian Melayu-China Di-Seria:

LEBEH DARI 200 ORANG PEKERJA2 DARI HONGKONG

TAREK BALEK SURAT2 BERHENTI

Berhubung dengan perkelahian di-antara orang2 Melayu dan China di-Seria pada awal bulan ini sebagaimana yang kita telah nyatakan dalam keluaran Pelita Brunei bilangan yang lalu, lebih 200 orang pekerja2 China dari Hongkong yang bekerja dengan Sharikat Minyak di-Seria telah tidak jadi berhenti, dan mereka sudah pun tarek balek surat2 berhenti bekerja masing2.

Pada minggu yang lalu perundingan2 telah di-adakan di-antara Pegawai2 Sharikat Minyak itu dengan wakil2 pekerja2 China yang berkaitan dalam perkelahian tersebut.

Menurut angka yang tetap, sajumlah 375 orang terlebih dahulu telah berhenti bekerja, dan di-antara-nya 197 orang telah pun menarek kembali surat2 pemberhentian mereka. Sharikat Minyak itu telah pun menghantarkan 79 orang balek ka-Hongkong - jadi-nya tinggal 103 orang yang telah berhenti bekerja dan telah memberi tahu kepada yang berkenaan itu bahawa mereka hendak balek ka-Hongkong.

Sharikat Minyak itu pula mengumomkan bahawa orang2 yang telah berhenti itu di-beri peluang iaitu mereka boleh di-benarkan balek bekerja salewat2-nya pada pukul 1.00 petang hari Khamis, 17 January, 1957. Kemudian, pada pagi hari tersebut 9 orang yang berhenti telah balek bekerja semula. Dengan ini jumlah-nya orang2 yang telah balek bekerja semula seramai 206 orang.

Di-antara 79 orang yang di-hantarkan balek ka-Hongkong oleh Sharikat Minyak tersebut, 10 orang daripada-nya berangkat ka-Labuan dengan Kapal Rajawali dan dari sana menaiki kapal terbang ka-Hongkong. 69 orang lagi berangkat ka-Labuan dalam 2 buah kapal terbang khas, maka kala dari sana mereka berangkat ka-Hongkong dengan kapal terbang.

Meskipun seramai 375 orang telah berhenti bekerja dan di-antara-nya telah pun bekerja semula; tetapi kira2 100 orang pekerja2 China yang lain telah terus menjalankan pekerja'an mereka samanjak orang2 China itu telah berhenti bekerja mulai pada 3 January, 1957.

296 PETI MENGANDONGI BATU MAR-MAR UNTUK MASJID BRUNEI SAMPAI DI-

SINI SADIKIT HARI LAGI

Sajumlah 296 peti mengandongi Batu Mar-Mar yang mahal dari jeram yang baik untuk di-gunakan bagi Masjid baharu yang sedang di-bangunkan di-Bandar Brunei akan sampai di-Brunei sadiKIT hari lagi.

Batu yang berharga itu telah di-bawa dari Negeri Italy dalam 3 buah kapal dan telah pun sampai di-Singapura.

/Sajumlah 118 peti

Sajumlah 118 peti lagi mengandongi batu sademikian sudah pun di-hantarkan ka-Brunei dalam sabuah kapal yang lain, melalui Tanjong Pengharapan Di-Afrika Selatan dan Singapura. Beberapa banyak lagi peti2 mengandongi Batu Mar-Mar sudah pun di-pesan oleh Kerajaan Brunei dari Negeri Italy.

Bumbong bulat Masjid itu di-jangka akan selesai di-bina dalam masa kira2 3 bulan lagi. Salepas itu baharu-lah pekerja'an meletakkan Batu Mar-Mar yang berharga itu dan sebagai-nya dalam Masjid akan di-jalankan di-bawah ka-lola'an sa-orang yang bijak dari Negeri Italy.

12 ORANG PENDUDOK2 BRUNEI MENDAPAT SIJIL KE-RAKYATAN BRITISH

Dua belas orang penduduk2 Negeri Brunei telah mendapat Sijil Kerakyatan British sebagai Warga Negara United Kingdom dan Jajahan Tak-lok-nya.

Tiga orang daripada-nya telah di-beri Sijil2 itu pada tahun 1954; enam orang pada tahun 1955; dan tiga orang lagi pada tahun yang lalu sebagai berikut:-

Tahun 1954: Mr. Cecil Henry Dorall; Mr. Khung Siang Huat dan Mr. John Baptist Simons (dari Seria).

Tahun 1955: Mr. Charles Young Chao Hua; Inche' Mat bin Abdul Karim (dari Kuala Belait); Mr. K. Achyutan Pillai; Mr. Lim Teong Kooi; Mr. Quay Chor Eng, dan Nonya Betty Quay Guat Ewee (dari Seria).

Tahun 1956: Inche' Ajamain bin Abdul Razak dan Sheikh Mohamed bin Salleh (dari Bandar Brunei); dan Mr. Wong I Ching (dari Seria).

/ SEMPADAN2 BANDAR BRUNEI DALAM KAWASAN LEMBAGA MUNICIPAL

Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert, British Resident Brunei, dengan menggunakan kuatkuasa yang di-anugerahkan kapada-nya, telah membuat satu Kenyata'an di-sebutkan sebagai Kenyata'an Bandar Brunei (Kawasan Lembaga Municipal) tahun 1956 yang telah berjalan kuatkuasa-nya mulai 1 January, 1957.

Dengan berjalan-nya kuatkuasa Kenyata'an tersebut, maka Kenyata'an yang di-bawah ini yang di-buat terlebih dahulu oleh Tuan British Resident ada-lah di-batalkan.

Kenyata'an Pejabat British Resident Bilangan 97 tahun 1931 bertarikh 26 May, 1931; Kenyata'an Lembaga Kesihatan bertarikh 17 March, 1956; Kenyata'an Pejabat British Resident Bilangan 8 tahun 1940 bertarikh 8 January, 1940; dan Kenyata'an Pejabat British Resident Bilangan 53 tahun 1949, bertarikh 8 June, 1949.

Sempadan2 Lembaga Municipal Bandar Brunei sebagaimana yang telah di-buat di-bawah Kenyata'an yang baharu ada-lah saperti berikut:-

Mulai dari penjuru Sungai Ambok dengan Sungai Brunei, kemudian mengikut arah kiri Sungai Brunei ka-penjuru-nya dengan Sungai Kedayan; dan mengikut arah kiri Sungai Kedayan ka-satu tempat berdekatan Jambatan Clifford, kemudian mengikut arah kanan Sungai Kedayan hingga ka-penjuru Sungai Brunei, dan mengikut arah kiri Sungai Brunei terus ka-penjuru dengan Sungai Damuan, kemudian mengikut arah kiri Sungai Damuan ka-satu tempat, melalui satu baris yang lurus, 40 rantai arah ka-Utara Jalan Tutong, kemudian melalui satu baris yang lurus ka-satu tempat 40 rantai arah ka-Utara Jambatan Clifford mengikut arah kiri Sungai Kedayan,

/kemudian mengikut arah

kemudian mengikut arah kiri Sungai itu ka-satu tempat di-mana ia bertemu kawasan Selatan dari arah Utara, Padang Kapal Terbang Berakas dan mengikut jalan itu hingga ka-penjuru Jalan Berakas kemudian melalui satu baris yang lurus ke-tempat permula'an-nya.

KENYATA'AN KERAJA'AN BERKENA'AN DENGAN KENAIKAN HARGA2 GULA

Pengawas Gudang2 Simpanan Barang2 Kerajaan Brunei, Mr. S.J. Clark menyatakan untok pengetahuan orang2 ramai dan saudagar2 dalam Negeri ini bahawa hingga ka-31 March, 1956 segala gula yang di-bawa masuk dari luar negeri ka-dalam Negeri ini di-kuasai oleh Kerajaan dan surat2 kebenaran-nya di-keluarkan oleh Kerajaan.

Pada 1 April, 1954, kata-nya, Kerajaan tidak-lah lagi memesan gula yang hendak di-bawa masuk ka-Negeri ini dari negeri asing dan saudagar2 di-beri kebenaran membawa masuk gula yang mereka berkehendak.

Harga jualan gula yang di-tetapkan oleh Kerajaan pada masa itu ia-lah 36 Sen sakati di-Bandar Brunei dan Kuala Belait; dan 37 Sen sakati di-Seria.

Samenjak masa itu harga membeli gula telah di-kurangkan dan pada bulan September, 1955 Kerajaan telah membatalkan satu Kenyata'an berhubung dengan perkara menetapkan harga2 jualan2 gula sechara borong dan rincek. Perkara itu telah menyebabkan kurang harga jualan gula sechara rincek.

Kemudian, kata-nya, mulai dari bulan May, 1956 harga membeli gula telah kelihatan naik seperti berikut:-

Pada bulan May, 1956 harga gula yang di-bawa masuk ka-Brunei ia-lah £40.3shilling pada satu ton; July, 1956 - £41.3shilling pada satu ton; August, 1956 - £41.8shilling; September, 1956 - £45.0shilling; November, 1956 - £47.0shilling; December, 1956 - £49.0shilling; January, 1957 - £53.0shilling; dan sekali lagi dalam bulan January, tahun ini harga itu ia-lah sebanyak £57.0shilling pada satu ton.

Jumlah harga membeli tiap2 satu guni mengandongi gula berat-nya 165 kati yang di-hantarkan kepada kedai2 ia-lah lebih kurang \$58.50 dan jumlah harga menjual tiap2 guni mengandongi gula itu berharga 36 Sen sakati ia-lah \$59.40

Menurut keterangan Pengawas Gudang2 Simpanan Barang2 Kerajaan itu, sebab pun kenaikan harga gula itu ia-lah kerana kenaikan bayaran untok buruh dan harga muatan.

Oleh kerana hal sademikian, orang2 ramai ada-lah di-nasihatkan supaya memahankan ke-sukaran2 penjual2 gula itu dan harus-lah kerana hal itu, jualan gula akan naik hingga ka-40 Sen sakati.

Bagaimana pun, pihak Kerajaan sedang memerhatikan keadaan sademikian dengan chukop teliti; dan sakira-nya saudagar2 di-Negeri ini menaikkan harga jualan gula kepada orang2 ramai, maka Kerajaan pula akan membaharui semula harga sekatan jualan gula.

HARGA2 BUAH2 ENKABANG DAN LADA

Pegawas Customs & Excise, Brunei telah menetapkan harga2 Buah2 Engkabang dan Lada untok ke-guna'an mengutip cukai mulai dari 28 January, 1957 seperti berikut:-

Buah2 Engkabang, \$30.74 sa-pikul; Lada Putih, \$104.40 sa-pikul; dan Lada Hitam, \$74.73 sa-pikul.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari Pelita Brunei No. 23)

Hendak-lah Pendaftar mengeluarkan salinan yang di-sahkan benar daripada pemasokan di-dalam Daftar, atau surat akuan, atau lain2 surat sebagaimana tersebut kapada mana2 orang bila di-bayar perbelanja'an yang telah di-tetapkan dalam Undang2; dan surat penerima'an kerana pembayaran yang di-sebutkan, dan di-nyatakan dalam surat salinan yang di-sahkan.

Pengakuan di-atas mana2 salinan surat pengakuan yang di-sahkan dan wang pengakuan pembayaran berhubung dengan ini, ia-lah mengikut sebagaimana yang tersebut di-dalam Undang2.

Mana2 orang yang tidak berpuas hati dengan mana2 perintah, perbuatan, pertolakan sa-sa-orang Pendaftar, boleh-lah di-dalam tempoh 14 hari daripada haribulan kerana-nya itu membuat surat permohonan semula, jika Pendaftar itu Kathi Besar, atau Kathi kapada Jawatan Kuasa Pengadilan; atau di-dalam lain2 perkara, kapada Kathi di-dalam Jajahan Pendaftar itu membuat demikian.

Di-atas apa2 keputusan yang di-perbuat oleh Kathi berkenaan dengan permohonan membuat surat itu semula, boleh-lah di-buat-nya lagi kapada Jawatan Kuasa Pengadilan.

Maka Penguasa yang mendengar permohonan semula itu boleh-lah memberi perintah kapada Penguasa yang keputusan-nya itu telah di-perbuat permohonan semula atau berhenti daripada membuat apa2 perbuatan yang patut telah di-jalankan atau pun di-berhentikan dan boleh juga membuat apa2 perintah mengikut kehendak ke'adilan termasuk seklai perintah membaiki mana2 Daftar Nikah atau Daftar Chera'i.

Keputusan Jawatan Kuasa Pengadilan itu hendak-lah menjadi yang akhir sekali, di-kechualikan di-dalam mana2 perkara ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, dengan sebab yang khas, memberi titah yang lain.

Membaiki Daftar

Jika di-dapati bahawa mana2 pemasokan di-dalam Daftar telah di-perbuat atau mana2 surat akuan yang telah di-keluarkan di-bawah bahagian ini tersilap, dan kesilapan itu patut di-betulkan, maka pendaftar atau mana2 orang yang berthabit dengan-nya akan tetapi tidak bertanggung jawab kerana kesilapan itu, boleh-lah meminta kapada Jawatan Kuasa Pengadilan pada membaiki Daftar atau surat akuan itu.

Boleh-lah Jawatan Kuasa Pengadilan, setelah di-siasat dengan berpuas hati sebagaimana di-lihat manasabah, memerintahkan supaya di-perbaiki Daftar itu; dengan syarat tidak-lah boleh di-perbuat perintah itu lebeh daripada 5 tahun kemudian daripada pemasokan yang telah di-perbuatkan itu, atau surat akuan itu telah di-keluarkan mengikut mana2 satu sebab-nya.

Selanjut-nya Undang2 mengenai hal tersebut menyebabkan bahawa boleh-lah di-perintahkan mana2 orang bagi menyerahkan balek apa2 surat kapada Pendaftar kerana membaiki mengikut mana2 perintah kemudian.

Dengan ini, ada-lah di-peringatkan iaitu sekalian perbelanja'an yang di-pungut di-bawah bahagian ini yang terkandung di-dalam Undang2 hendak-lah di-selesaikan dengan mengikut sebagaimana yang di-titahkan dengan peratoran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

(B E R S A M B O N G)

Ruangan So'al Jawab:

JAWAPAN KELUARAN PELITA BRUNEI BILANGAN 23 MUKA 6

1. Yang mana lebih:- (a) $0+1+2+3+4+5$ atau (b) $0 \times 1 \times 2 \times 3 \times 4 \times 5$?
Jawab--(a) yang lebih $0+1+2+3+4+5 = 15$ (b) $0 \times 1 \times 2 \times 3 \times 4 \times 5 = 0$

2. Angka itu ia-lah:- 2519

So'al2an yang baharu

1. Dalam tahun 1956 yang lepas sa-orang anak perempuan telah di-dzahirkan di-Bandar Brunei; nama-nya ia-lah AMAL UMMI KALSON AL-ISLAM. Tahu-kah pembacha, di-kampung mana dia di-dzahirkan dan siapa nama AYAH-NYA ?
2. Tiap2 \$ 1 wang BRITISH, berapa-kah nilain tukaran-nya wang kita di-Brunei ini ?
3. Apa-kah nama-nya IBU KOTA Negeri Brunei ?
4. Berapa-kah (a) luas-nya NEGERI2 Brunei; Sarawak dan Borneo Utara (b) jumlah penduduk tiap2 BUAN Ngeri ini ?
5. Siapa-kah AHLI SEJARAH bangsa Italy yang mashor itu yang telah melawat Negeri Brunei pada zaman Sultan Bulkiah ?
6. Bila-kah dan di-mana-kah (a) Tentera2 JEPUN mulai mendarat di-Bandar Brunei pada masa berlaku Peperangan Asia Raya; (b) Tentera2 PEHAK BERSKUTU mulai mendarat di-Brunei selepas tamat peperangan Asia Raya ?

(TUNGGU JAWAPAN-NYA PADA KELUARAN AKAN DATANG)

AMARAN KEPADA ORANG2 YANG MEMPUNYAI ANJING2 DI-BANDAR BRUNEI

Menurut keterangan daripada Pejabat Perubatan Negeri, beberapa-banyak anjing2 telah di-dapati berkeliaran dalam kawasan Rumah sakit Keraja'an, di-Bandar Brunei baharu2 ini dan telah mengachau Anggota2 Rumah Sakit serta orang2 sakit juga.

Beberapa ekor anjing juga telah di-dapati masuk merantau di-bilek2 rumah sakit siang dan malam; ada-nya yang di-dapati tidor, berkelahi, dan juga menchuri makanan dalam bilek2 itu. Bertambah2 pula, menurut keterangan dari Pejabat Perubatan tersabut, sedangkan Pegawai Perubatan Negeri juga telah mendapati sa-ekor anjing sedang tidor nyenyak di-antara kain2 yang bersih dalam sebuah tempat menyimpan barang2 di-Rumah sakit Bandar Brunei.

Oleh kerana hal tersabut, orang2 yang mempunyai anjing2 di-Bandar Brunei, dengan ini ada lah di-beri AMARAN yang keras bahawa anjing2 mereka akan di-binasakan oleh pehak yang berkena'an sakira nya anjing2 itu di-dapati dalam kawasan tersebut pada masa hadapan kelak.

Berhubung dengan peristiwa2 tersabut, Rumah sakit Bandar Brunei telah meminta Jabatan Municipal menolong-nya untuk membinasakan anjing2 sakira nya di-dapati berkeliaran dalam kawasan Rumah Sakit tersabut.

Untuk menjaga ke-selamatan, anjing2 itu tidak lah akan di-timbak dalam kawasan Rumah Sakit. Bagaimana pun Jabatan Haiwan Brunei akan menggunakan rachun untuk membinasakan anjing2 sakira nya anjing2 itu di-dapati masuk ka- dalam kawasan rumah sakit.

Kerjasama dari orang2 ramai dalam Bandar Brunei untuk menjaga ke-selamatan anjing2 mereka serta mengikut amaran tersabut ada lah sangat2 di-hargai oleh Jabatan Perubatan Negeri Brunei.

Perumahan "Flats" Kerajaan Di-Tasek:

44 BUAH TEMPAT TINGGAL DI-BERI SEWA KAPADA ORANG RAMAI

Perumahan "Flats" kepunya'an Kerajaan Brunei di-kawasan Tasek yang di-bangunkan samanjak beberapa bulan yang telah lalu, akan dapat di-duduki oleh penyewa2-nya sadikit hari lagi.

meskipun 45 buah tempat2 tinggal itu di-bangunkan, tetapi hanya-44 buah sahaja di-beri sewa kapada orang2ramai, sama ada pegawai2 Kerajaan atau tidak, manakala sabuah lagi akan di-duduki oleh penjaja perumahan "Flats" itu.

Sewa bagi tiap2buah tempat kediaman itu mengandungi 2 buah bilik pada tiap2 buah 1s-lah sabanyak \$40.00 (Empat Puloh Ringgit) sabulan, tidak termasuk bayaran menggunakan elektrik; Dilek'mandi sertadapur yang menggunakan minyak ada-lah di-antara-nya yang di-sediakan dalam tiap2 tempat kediaman itu.

Meskipun Kerajaan telah menyiarkan ikalan dalam akhbar BORNEO BULLETIN pada 29 December, 1956 bahawa perminta'an bagi menyewa tempat2 tinggal itu hendak-lah di-alamatkan kapada Pengurus, Lembaga Municipal, Bandar Brunei tidak lewat dari 7 January, 1957, tetapi untuk memberi peluang lagi kapada orang2 ramai, maka tarikh itu ada-lah-di-lanjutkan.

Perminta'an2 untuk menyewa tempat2 tinggal itu boleh-lah di-hantarkan dengan sabberapa segera kapada alamat tersabut juga.

Orang2 yang hendak menyewa tempae2 tinggal tersabut, ada-lah di-kehendaki menyatakan dalam surat2 perminta'an mereka sharat2 saperti di-bawah ini:-

Sama mempunyai isteri atau tidak; bilangan anak: tempat tinggal sekarang; sewa rumah yang di-duduki sekarang; dan pekerja'an orang yang hendak menyewa tempat tinggal itu.

TUKANG PERAK TEMPATAN DI-PILEH UNTUK BERLATEH DI-ENGLAND

Kerajaan Negeri Brunei telah memilih sa-orang ahli pertukangan Perak yang terkenal di-Negeri ini, Pehin Bandahari Awang Abdul-Rahman bin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohamad Taha, untuk berlately di-Royal College of Arts, England. Pehin Bandahari di-jangka akan berangkat dari Brunei ka-England pada bulan September tahun ini dan akan berada di-sana selama sembilan bulan. Dalam masa itu beliau akan belajar berbagai2 perkara yang mustahak berkenaan dengan ilmu pertukangan perak, terutama sakali mengenai chara2 menggunakan alat2 jentera pada permula'an nya.

Sungguh pun ahli Pertukangan Perak itu akan di-beri latehan mengenai chara2 menggunakan jentera, tetapi ada lah di-fahamkan bahawa ilmu yang di-pelajari itu ada-lah untuk menambahkan pengalaman-nya.

Oleh kerana bararg2 pertukangan perak di-Negeri Brunei yang di-buat dengan tangan ada lah mashor samanjak beberapa abad yang lalu, kita mendapati dari satu puncha yang resmi bahawa jentera2 tidak-lah akan di-gunakan bagi membuat barang2perak pada masa ke hadapan kelak.

Sementara itu bangunan 3 tingkat mengandungi Pejabat, tempat membuat barang2dan sebagai-nya bagi tukang2 perak Melayu di-Negeri ini yang di-bina oleh sharikat Sino Malayan Engineers (Borneo)Ltd. di-jalan Roberts, Bandar Brunei samanjak beberapa bulan yang lalau, akan siapdi-bangunkan tidak berapa lama lagi.
